



JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (051-080)

Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin
dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983)

Sara Beden

sara.beden@ipgmkmtar.edu.my

*Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak*

Tarikh terima : 25 Mac 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Mei 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020
Published online

Abstrak

Dalam konteks masyarakat Malaysia, kesantunan amat dituntut demi menjaga integrasi nasional yang wujud agar terus terpelihara. Setiap ahlinya, hatta pemimpin negara wajib membudayakan kesantunan yang terangkum dalamnya sifat santun dalam perilaku, pertuturan dan perhubungan sosial. Pemimpin dan kesantunan berbahasa memiliki simbiosis yang signifikan kerana dalam situasi yang tidak menyenangkan rakyat, pemimpin wajar menjadi penawar menerusi kata-kata dan ungkapan yang muluk-muluk untuk memberi manfaat kepada rakyat. Penularan wabak pandemik COVID 19 telah menyebabkan kerajaan Malaysia mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan dengan tujuan menghentikan penularan wabak ini. Justeru, rakyat Malaysia terpaksa mengadaptasi norma dan normal baharu dalam kehidupan seharian apabila tidak dapat melakukan rutin harian terutama untuk mencari rezeki. Rentetan itu, kerajaan yang diwakili Perdana Menteri telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi prihatin untuk menyantuni kebajikan rakyat menerusi perutusannya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesejajaran perutusan oleh pemimpin dalam perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dan kepustakaan. Dapatan memperlihatkan bahawa kedua-dua perutusan menunjukkan kesejajaran yang signifikan dengan lima maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Persetujuan dan Simpati dalam Prinsip Kesopanan Leech. Pengaplikasian kelima-lima maksim dalam kedua-dua data korpus menginterpretasikan bahawa kesantunan berbahasa amat signifikan dan dititikberatkan dalam perutusan agar penyampaian maklumat lebih berkesan dan bebas konflik dalam menyantuni komuniti wacana. Pengaplikasian kelima-lima maksim diperlihatkan menerusi kepelbagaian atau variasi pendekatan yang diekspresikan secara berhemah, bertatasusila selain menzahirkan empati seorang pemimpin dalam menyantuni dan mendekati masalah yang ditanggung rakyat dalam tempoh PKP. Kesimpulannya, pelestarian dan pemupukan budaya kesantunan dalam amalan komunikasi sekali gus mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa tonggak tamadun bangsa.

Kata kunci: kesejajaran, maksim, pemimpin, keputusan pakej rangsangan ekonomi prihatin, kesantunan

Alignment of Language Politeness in the Prihatin Economic Stimulus Package Message with the of Leech Principles of Politeness (1983)

Abstract

In the context of Malaysian society, politeness is essential in order to maintain the existing national integration spirit. Every community members including the national leaders must cultivate a sense of politeness that is embedded in their manners, speech and social relationships. Leaders and language politeness have a significant symbiosis because in unpleasant situations faced by the people, the leaders should be an antidote through their words and expressions that are of great benefit to them. The outbreak of the COVID 19 pandemic has caused the Malaysian government to declare movement control orders aimed at halting it. As a result, Malaysians have to adapt to new norms and normals in their daily lives when they are unable to carry on with their daily routine, especially in search of sustenance. Meanwhile, the government represented by the Prime Minister has announced the Prihatin Economic Stimulus Package that is considered as the welfare measures initiated by the government for the people. Therefore, this study aims to analyse the alignment of the messages by the leaders in the message of the Prihatin Economic Stimulus Package with the Leech Principles of Politeness (1983). This study applied qualitative methods and library research. The findings show that the two messages have significant alignment with the five maxims, namely, Wisdom, Empathy, Support, Consent and Sympathy in the Leech Principles of Politeness. The application of the five maxims in both corpus data demonstrates that language politeness is of paramount importance and is emphasised in the quest for more effective and conflict-free information delivery in the discourse community. The application of the five maxims is reflected in the variety or variety of approaches that are prudently expressed, in addition to expressing a leader's empathy in addressing and approaching the problems faced by the people during the CPP. In conclusion, the preservation and nurturing a culture of civility in communication practices thereby uplifting Malay language as the cornerstone language of civilisation.

Keywords: alignment, maxims, leaders, prihatin economic stimulus package message, politeness

1. Pengenalan

Kesantunan berbahasa bukan sahaja terpancar menerusi komunikasi bersemuka atau secara tatap muka. Kesantunan yang sinonim dengan kesopanan merangkumi aspek yang lebih meluas sehingga melibatkan budaya, jati diri, identiti, maruah dan harga diri individu, keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, Asmah Omar (1996: 5) dalam bukunya yang bertajuk *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan* menegaskan bahawa kesopanan berbahasa sewajarnya diaplikasi dalam semua aspek komunikasi sama ada sehalu atau sebaliknya mahupun dalam wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan. Beliau memberi penekanan terhadap kehalusan berbahasa yang merujuk kepada ciri penggunaan bahasa yang menunjukkan adanya sopan santun dari pihak pemeran atau pengucap apabila menyampaikan hujah-hujahnya. Kehalusan ini menunjukkan pemeran menghormati pihak lawan tuturnya atau pihak yang mendengar menerusi pemilihan kata dan ungkapan yang tidak menyinggung perasaan orang lain sebaliknya penyampaian menunjukkan kemuliaan budi pekerti. Asmah Omar (1996: 35) mengetengahkan bahawa penyampaian pendapat pula wajar menggunakan ungkapan-ungkapan

tertentu dan ungkapan khusus. Justeru, penyampaian pendapat sama ada menerusi perbincangan, perutusan, bual bicara, ucapan dan perundingan dengan menggunakan pelbagai saluran media komunikasi sewajarnya mengutamakan kesopanan berbahasa yang menjadi tunjang ketamadunan bangsa. Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz & Hasnah Mohamad (2013: 177) menegaskan bahawa perbincangan interaktif di televisyen wajar mematuhi kesopanan berbahasa dalam usaha mencapai tujuan perbincangan melalui strategi komunikasi untuk memastikan komuniti wacana berminat dan memahami perbincangan. Pengemukakan pendapat ini mewajarkan pemeran atau perucap menggunakan bahasa yang berkualiti dan mematuhi peraturan dari segi linguistik, semantik dan pragmatik agar berupaya memberikan maklumat dan mesej kepada komuniti wacana.

Kesopanan diekspresikan menerusi jarak sosial antara penutur, perbezaan peranan, penjagaan air muka selain menggunakan ungkapan bertatasusila menerusi interaksi secara tatap muka. Sarjana Barat, iaitu Lakoff (1975: 65) memerihalkan kesopanan sebagai perlakuan yang mengurangkan pergeseran dalam interaksi dan penutur sentiasa memberikan keselesaan kepada pendengar dalam interaksi. Lakoff telah mengetengahkan model kesopanan yang berlandaskan tiga peraturan dalam perbualan, iaitu Peraturan 1; *Formality: keep aloof* (Kekalkan Jarak), Peraturan 2; *Deference: give options* (Berikan Pilihan) dan Peraturan 3; *Camaraderie: show sympathy* (Ekspresikan Simpati: untuk menjadikan pendengar selesa). Berdasarkan ketiga-tiga peraturan dalam model Lakoff ini, jelas memperlihatkan kecenderungan berpusat kepada pendengar khususnya dalam Peraturan 2 dan 3.

Grice (1975) pula telah mengemukakan model kerjasama dan dikenali sebagai Prinsip Kerjasama (PK) untuk memperlihatkan pertalian dan perkaitan antara maksud dengan kuasa. Secara umumnya, PK Grice ini ialah prinsip atau peraturan atau tatacara yang perlu dipatuhi oleh penutur-penutur dalam perbualan mereka untuk menghasilkan satu komunikasi yang berkesan dengan kewujudan kerjasama kedua-dua belah pihak yang mengambil bahagian dalam perbualan tersebut. Prinsip ini merupakan satu kaedah yang unggul atau ideal untuk mengatur pertuturan atau interaksi verbal bersemuka. PK ini membolehkan sesuatu perbualan berjalan dengan lancar apabila mereka yang terlibat dalam perbualan mengandaikan bahawa pasangan mereka sedang bekerjasama dan seterusnya dapat menggambarkan kesopanan berbahasa. Sementara Leech (1983) menghubungkan kesopanan dengan perlakuan yang mewujudkan dan mengekalkan pengiktirafan diri dalam interaksi antara penutur dan pendengar menerusi enam maksim yang menjadi gagasan dalam komunikasi. Tenas Effendy (2011: 5) dalam karyanya *Kesantunan dan Semangat Melayu* memerihalkan kesopanan atau kesantunan sebagai perilaku yang “tahu diri” atau “sedar diri”, yakni perilaku yang mencerminkan kearifan dan kebijaksanaan dalam menilai dan mengukur kemampuan diri agar dapat menempatkan dirinya secara baik dan benar dalam kehidupan berumah tangga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Awang Sariyan (2007) pula dalam buku beliau yang bertajuk *Santun Berbahasa* menghubungkan kesopanan dengan prinsip utama Islam. Awang Sariyan (2007: 7) menyifatkan kesopanan berbahasa berdasarkan prinsip Islam mempunyai hubungan yang erat dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, iaitu menyeru kebaikan (*amar ma'ruf*) dan mencegah kemungkaran (*nahi mungkar*) serta memberi penekanan terhadap kesopanan dalam kehidupan

bermasyarakat. Kho Thong Eng (2005: 13) menyifatkan bahawa seseorang yang tidak mengamalkan kesopanan berbahasa dikatakan sebagai kurang ajar, tidak beradab atau biadab dan boleh dianggap melanggar norma masyarakat serta mungkin akan ditegur, dibenci atau dipencilkan oleh masyarakat. Sementara Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2015: 80) pula menyifatkannya sebagai relatif dan sensitif berdasarkan pengamalannya dalam sesebuah komuniti masyarakat. Pandangan ini sejajar dengan pandangan S. Nathesan (2005: 31) bahawa kesopanan ditentukan secara persetujuan sebulat suara oleh masyarakat bahasa berkenaan. Takrifan dan pandangan tentang konsep kesantunan sama ada oleh sarjana Barat mahupun tempatan memperjelas bahawa kesopanan berbahasa diperlihatkan menerusi pertuturan, perlakuan, perhubungan sosial, jarak sosial, peraturan, kerjasama dalam komunikasi, pengiktirafan diri dan interaksi antara individu atau melibatkan kelompok komuniti wacana. Kesantunan diekspresikan dengan mengutamakan kualiti kerana personaliti dan jati diri akan terpancar menerusi tatakrama atau tataadab berbahasa serta sensitiviti yang mematuhi ciri-ciri bahasa yang sopan.

Kesopanan atau kesantunan suatu representasi betapa signifikannya amalan mulia ini dalam kehidupan bermasyarakat dan pengabaianannya memberikan impak yang negatif terhadap keperibadian. Jika disorot, didapati kesopanan berbahasa sewajarnya menjadi tunjang utama dalam komunikasi tanpa mengira situasi. Misalnya, dalam situasi negara dilanda masalah kesihatan akibat penularan wabak pandemik COVID 19, pemimpin negara menjadi tunjang utama yang mewujudkan suasana tenteram dan memastikan rakyat tidak panik. Oleh itu, kemunculan pemimpin dalam media sosial amat membantu kerana pemimpin umpaya payung yang melindungi rakyat khususnya semasa musibah melanda. Mohammad Hatta (1982: 86) menyifatkan bahawa seorang pemimpin yang berpengetahuan dan ideal harus berteraskan keadilan dan berdasarkan pengetahuan dengan pengertian. Oleh itu, terbitlah keyakinan bahawa pemerintahan harus dipimpin oleh idea yang tertinggi, iaitu idea kebaikan dan kemahuan melaksanakannya bergantung kepada budi. Tujuan pemerintahan yang benar adalah untuk mendidik warganegara mempunyai budi. Pandangan Mohammad Hatta suatu representasi bahawa pemimpin sewajarnya berbudi tinggi dan berpengetahuan agar memberikan manfaat dan kebaikan selain memberikan keselesaan kepada rakyat yang dinaunginya. Sara Beden (2019a: 40) menegaskan bahawa pemimpin yang berkaliber ialah pemimpin yang mampu menaungi, memayungi, melindungi dan membela kepentingan serta kebajikan rakyat. Oleh itu, pemimpin perlu ikhlas dan rela berkorban agar dapat memberikan manfaat dan berupaya membela bangsanya khususnya dalam situasi negara dilanda musibah.

Sehubungan itu, COVID 19 merupakan pandemik yang membawa musibah, gangguan sosioekonomi global, penangguhan, pembatalan acara kebudayaan, keagamaan dan kesukanan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Masyarakat mengalami ketakutan yang luar biasa dan menempuh suatu norma baharu yang merujuk kepada peraturan baharu dan normal baharu, iaitu tindakan yang berbeza dari kelaziman dalam mengadaptasi cara kehidupan baharu. Rentetan daripada musibah yang dibawa virus halimunan ini, maka kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP). PKP fasa 1 bermula 18 – 31 Mac 2020, fasa 2 bermula pada 01 hingga 14 April 2020, fasa 3 bermula pada 15 - 28 April 2020 dan fasa 4

bermula 29 April – 12 Mei 2020 seterusnya perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) sehingga 09 Jun 2020. PKP menyebabkan punca pendapatan sesetengah rakyat terjejas terutama yang bekerja sendiri seperti mereka yang menjalankan perniagaan sama ada dalam skala yang besar mahupun kecil. Bertitik tolak daripada masalah ini, pihak kerajaan bawah pimpinan Perdana Menteri ke-8, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yasin (selepas ini YABTSMY) telah merencana model tindakan dan strategi ekonomi bagi menjaga kebajikan rakyat Malaysia. Ekoran itu, kerajaan menyediakan pakej rangsangan ekonomi prihatin bagi mengurangkan bebanan rakyat akibat PKP. Pakej rangsangan ini disampaikan dalam dua versi keputusan, iaitu versi pertama pada 27 Mac 2020 dan versi kedua pada 6 April 2020. Perkara yang hendak diberi perhatian dalam makalah ini ialah cara penyampaian keputusan oleh YABTSMY yang mencuit hati warga maya malahan warga maya memuji tindakan dan cara keputusan disampaikan oleh beliau. Keputusan pakej ekonomi prihatin ini dapat diperkirakan sebagai suatu wacana kepimpinannya kepada komuniti wacana, iaitu rakyat Malaysia sebagai khalayak setelah dilantik menjadi Perdana Menteri yang kelapan pada 29 Februari 2020. Lerman (1985: 185) menegaskan bahawa keputusan pemimpin negara merupakan salah satu bentuk komunikasi massa yang paling signifikan dan merupakan satu-satunya komunikasi langsung antara simbol kuasa politik dan autoriti dengan rakyat. Keputusan pakej ekonomi prihatin juga merupakan wacana beliau kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira faktor keturunan, agama, bangsa dan fahaman politik. Keputusan tersebut merupakan wacana yang menonjolkan peranan kepimpinan beliau sebagai pemimpin seluruh rakyat Malaysia khususnya dalam menghadapi tempoh PKP akibat ancaman COVID 19. Justeru, tema dan skop wacana keputusan mencakupi persoalan ekonomi dan kebajikan rakyat dan negara.

Sara Beden (2019a) dalam membincangkan aspek kepimpinan dalam manuskrip prosa klasik menegaskan bahawa pemimpin diberikan tiga perkara asas, iaitu kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan. Oleh itu, pemimpin sewajarnya memiliki sifat yang luhur, bijaksana dan diyakini rakyat yang dipimpinnya. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Jaafar Muhammad (1995: 211) yang mendapati bahawa pemimpin yang berkesan ialah pemimpin yang mempunyai sifat kebijaksanaan dan keyakinan diri. Kebijaksanaan pemimpin menerbitkan akal budi yang jernih dan luhur sebagai pemimpin zaman-berzaman yang memiliki keabsahan untuk menerajui legitimasi politik itu sendiri secara berkesan selain berdasarkan kemahuan rakyat. Dalam konteks keputusan pakej rangsangan ekonomi prihatin oleh YABTSMY, didapati keputusan yang disampaikan merakyat sifatnya dan memperlihatkan karakter pemimpin yang berjiwa rakyat. Seorang pemimpin wajar berkaliber dan berkarisma agar mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat lebih-lebih lagi dalam situasi negara dilanda musibah COVID 19. Oleh itu, keputusan yang disampaikan sewajarnya tidak mengabaikan kesopanan berbahasa kerana pemimpin yang berpengetahuan dan berbudi tinggi akan memahami, memiliki nilai empati dan bertindak mendekatkan diri dengan masalah rakyat.

Kesopanan menzahirkan kemesraan yang berupaya menyentuh perasaan dan memberi keyakinan kepada pendengarnya. Pemimpin dan kesopanan berbahasa memiliki simbiosis yang signifikan kerana dalam situasi yang tidak menyenangkan rakyat, pemimpin wajar menjadi penawar menerusi kata-kata dan ungkapan yang muluk-muluk dan bermanfaat kepada rakyat. Kartodirdjo (1994: vi) mengetengahkan bahawa dalam melaksanakan tugas dalam struktur sosial

masyarakatnya, seseorang pemimpin perlu membawa fungsi menguasai, mengatur dan mengawasi agar tujuan kolektif tercapai serta terjaga nilai-nilai sosiobudaya masyarakat yang dipimpin. Hal ini bermakna ada interaksi dan komunikasi antara pemimpin dengan pengikutnya dalam melaksanakan proses kepemimpinan. Sementara Idris Aman (2004: 4) pula menegaskan bahawa interaksi dan komunikasi yang demikian sebahagian besarnya dijayakan melalui bahasa atau linguistik. Oleh itu, dalam proses kepemimpinan, kepentingan bahasa memang tidak boleh dipandang remeh kerana bahasa digunakan dalam berwacana. Bertitik tolak daripada kepentingan bahasa dalam berwacana, maka makalah ini membincangkan kesejajaran kesopanan berbahasa yang digunakan oleh pemimpin, iaitu YABTSMY dalam menyampaikan kedua-dua perutusan tersebut dengan Prinsip Kesopanan (PS) Leech (1983).

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam makalah ini membincangkan beberapa kajian yang merincikan aspek kesantunan dalam pelbagai genre komunikasi. Antaranya kajian Mohamad Idris (2000) yang bertajuk “Kesantunan Berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu” telah menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1983) bagi mengenal pasti ciri-ciri kesantunan budaya Melayu khususnya dalam berkomunikasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Prinsip Kesopanan Leech berupaya mencerminkan kesantunan berbahasa dalam keluarga Melayu. Perincian daripada hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa Maksim Santun paling tinggi kekerapan penggunaannya dalam perbualan keluarga Melayu, diikuti Maksim Kerendahan Hati, Maksim Persetujuan dan Maksim Kedermawanan dan Maksim Sokongan. Dapatan ini memprojeeksikan bahawa masyarakat Melayu membudayakan nilai kesantunan dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, kesopanan berbahasa dalam kalangan pelajar sekolah menjadi usulan penting melalui kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah et.al. (2011). Kajian ini mengaplikasikan Prinsip Kesopanan Leech sebagai landasan analisis. Dapatan menunjukkan bahawa remaja sekolah paling kerap menggunakan Maksim Santun dan Maksim Kerendahan Hati dalam perbualan mereka. Kosa kata yang paling kerap digunakan untuk menunjukkan nilai santun ialah kosa kata “boleh” “ingin” “nak” dan “mahu”. Dalam kajian ini, remaja turut mengujarkan kata “maaf” sebagai strategi santun kepada pendengar walaupun terdapat pelanggaran terhadap maksim-maksim Leech. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap kesopanan remaja sekolah menengah berada pada tahap sederhana. Seterusnya, Marlyna Maros & Mohd. Baharin Mayidin (2011) telah meneliti mengkaji jenis dan fungsi sapaan dalam interaksi di kaunter pertanyaan. Kajian ini mengambil pendekatan dengan berpandukan kerangka kesantunan dan kebudayaan Melayu yang mengandaikan ucapan sekurang-kurangnya diberikan semasa bertemu atau memulakan bicara. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lakuan bahasa sapaan kurang diamalkan dalam urusan di kaunter pertanyaan pusat beli-belah. Situasi ini berlaku disebabkan pengaruh tempat berlakunya interaksi, bukannya disebabkan penutur tidak cekap berkomunikasi atau kurang ilmu kesantunan berbahasa dalam budaya Melayu.

Sementara Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz & Hasnah Mohamad (2013), telah mengkaji strategi komunikasi dalam genre perbincangan di

televisyen dengan menggunakan kerangka pendekatan kesopanan Asmah Omar (1996) untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi komunikasi dalam genre perbincangan di televisyen. Hasil dapatan memperlihatkan pemeran-pemeran dalam peristiwa bahasa ini tidak mengabaikan strategi yang menandai kesopanan sebagaimana yang dibincangkan oleh Asmah Omar, iaitu faktor-faktor perkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan kepada tajuk atau bidang dan kepatuhan kepada peraturan perbincangan. Norhana Bakhary (2014) pula telah memperincikan kesopanan berbahasa berdasarkan kata perbilang dalam masyarakat adat perpatih. Kajian ini telah mengaplikasikan keenam-enam maksim Prinsip Kesopanan Leech (1983) dalam empat peristiwa perundingan. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa strategi kesopanan berbahasa yang digunakan oleh penutur untuk menyampaikan sesuatu mesej, terpancar dalam ujaran yang membawa maksud tersirat. Sisipan bahasa kiasan, pemilihan bentuk bahasa yang bersifat halus dan sopan di samping penggunaan dialek atau kata berunsur tempatan telah berjaya membentuk kesopanan berbahasa dalam peristiwa perundingan. Ringkasnya, kajian-kajian kesantunan tersebut telah menyumbang kepada pertambahan khazanah ilmu kesantunan Melayu dan mencerminkan kepentingan kajian kesantunan dalam pelbagai ranah bahasa.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesejajaran perutusan oleh pemimpin dalam perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

3. Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan ilmiah sebagai sumber rujukan dan sorotan literatur yang bersesuaian dengan aspek kajian. Kaedah analisis teks dalam kajian ini melibatkan analisis terhadap dua perutusan tentang Pakej Rangsangan Ekonomi yang disampaikan oleh YABTSMY. Dua perutusan tersebut ialah perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin pada 27 Mac 2020 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Tambahan pada 06 April 2020. Kedua-dua data korpus tersebut dimuat turun daripada laman web sebagaimana paparannya dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1: Data Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi

Perutusan	Sumber	Kod
Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin 27 Mac 2020	Laman Web Pejabat Perdana Menteri Malaysia- https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/teks-ucapan-perutusan-khas-pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat-prihatin/	PRERP-27Mac

Pakej Ekonomi Tambahan 2020	Rangsangan Prihatin 06 April	Laman Web BH ONLINE https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673734/ucapan-perdana-menteri-tan-sri-muhyiddin-yassin	PRERP- 6April
--------------------------------------	------------------------------------	--	------------------

Setelah dimuat turun, kedua-dua data diberi kod atau label yang ringkas bagi memudahkan proses penganalisan data. Data dikod sebagai PRERP-27Mac jika data diambil daripada perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin pada 27 Mac 2020 manakala PRERP-6April merujuk kepada data dalam perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Tambahan pada 06 April 2020. Kaedah analisis teks dilakukan dengan mengenal pasti unsur-unsur bahasa sama ada dari segi penggunaan kata, ungkapan atau frasa dan ayat yang berpadanan dan sejajar dengan maksim-maksim Leech.

Kerangka Teori

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Prinsip Kesopanan Leech (PS Leech) 1983. PS Leech mengandungi enam maksim yang memberi penekanan kepada perlakuan beradab yang diperlihatkan menerusi kosa kata, frasa dan ayat yang digunakan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. PS yang dikemukakan oleh Leech merangkumi semua jenis konsep sopan dalam perhubungan antara manusia dalam semua bentuk bahasa (Abdullah Mohd Yassin, 1998). Perkara yang dipentingkan oleh Leech ialah maksud yang hendak disampaikan oleh penutur dan keberkesanan atau interpretasi makna yang difahami oleh pendengar atau penerima dalam konteks komunikasi lisan mahupun tulisan. Prinsip ini memberikan penekanan terhadap faktor budaya masyarakat, psikologi penutur atau penulis dalam menyampaikan maksud yang sopan dengan efektif selain mengutamakan persoalan beradab. PS Leech bukan sahaja dapat memanifestasikan kesopanan dalam budaya Melayu dengan terperinci malahan dapat memperjelas strategi dakwah dalam teks keagamaan sebagaimana dalam kajian Abdullah Mohd Yassin (1998). Jelaslah bahawa PS Leech merangkumi medan makna yang luas dalam bidang pragmatik sehingga berkeupayaan menyelongkar unsur dakwah walaupun prinsip ini dikemukakan oleh sarjana Barat. Leech (1993: xii) menyatakan bahawa ilmu pragmatik mesti diambil kira dalam linguistik khususnya dalam kajian tentang makna bahasa kerana pada dasarnya pragmatik bersifat peka matlamat dan bersifat menilai. Justeru, teori ini diaplikasi dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan data, iaitu perutusan yang amat erat hubungannya dengan komuniti wacana dan disampaikan menerusi media elektronik kepada seluruh rakyat Malaysia dengan tujuan menyantuni rakyat dari segi psikologi dan kebajikan. Maksim-maksim yang diketengahkan oleh Leech (1983) dipaparkan dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2: Model PS Leech (1983)

Maksim	Spesifikasi
Kebijaksanaan (<i>Tact</i>)	Maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain.
Kedermawanan (<i>Generosity</i>)	Maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri.

Sokongan (<i>Approbation</i>)	Maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.
Kerendahan Hati (<i>Modesity</i>)	Maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
Persetujuan (<i>Agreement</i>)	Maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.
Simpati (<i>Sympathy</i>)	Maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Sumber: Leech (1983)

Analisis dilakukan dengan menjajarkan data atau kandungan dalam perutusan dengan keenam-enam maksim dalam PS Leech (1983) dengan ditandai sama ada kata, frasa atau ayat. Ringkasnya, perbincangan analisis dilakukan bagi membuktikan kesejajaran, kesesuaian dan pematuhan data korpus dengan teori kajian, iaitu maksim-maksim Leech.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan analisis, didapati kedua-dua perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi memperlihatkan kesejajaran dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983) menerusi pematuhan terhadap lima daripada enam maksim yang dikemukakan oleh Leech (1983). Dapatan ini terdapat dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: Dapatan Kajian

Bil.	Perutusan	Maksim PS Leech	Pendekatan
1	PRERP-27Mac	Kebijaksanaan	Membuka bicara
			Mengajak
		Kedermawanan	Memberikan bantuan
			Memberikan penghargaan
		Persetujuan	Memberikan pujian
			Persetujuan secara langsung
			Kesepakatan
		Simpati	Persetujuan secara tidak langsung
			Memahami situasi,
			Memahami masalah
			Memahami keperitan

2	PRERPT-6April	Kebijaksanaan	Membuka bicara
			Memberi nasihat
			Memberi cadangan
		Kedermawanan	Meringankan beban
		Sokongan	Mengurangkan cacian
			Memberikan pujian
			Memberikan penghargaan
		Persetujuan	Persetujuan secara langsung
		Simpati	Mengambil berat
			Memahami perasaan

Berdasarkan jadual 3, didapati kedua-dua perutusan memperlihatkan kesejajaran yang signifikan dengan kelima-lima maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Persetujuan dan Simpati. Pengaplikasian kelima-lima maksim dalam kedua-dua data korpus menginterpretasikan bahawa kesantunan bahasa amat signifikan dan dititikberatkan dalam perutusan agar penyampaian maklumat lebih berkesan dan bebas konflik dalam menyantuni komuniti wacana. Pengaplikasian kelima-lima maksim diperlihatkan menerusi kepelbagaian atau variasi pendekatan yang diekpresikan secara berhemah, bertatasusila selain menzahirkan empati seorang pemimpin dalam menyantuni dan mendekati masalah yang ditanggung rakyat dalam tempoh PKP. Kepelbagaian pendekatan bagi merincikan maksim-maksim memperlihatkan bahawa wujudnya pengaruh faktor konteks, isu dan objektif komunikasi atau objektif perutusan yang berbeza-beza. Perkara ini turut berkaitan dengan keperluan mewujudkan situasi komunikasi bebas konflik yang harus diberi perhatian sewajarnya sebagaimana yang ditegaskan oleh Indirawati Zahid (2005: 25), iaitu penutur mewujudkan situasi bebas konflik yang pasti menguntungkan kedua-dua belah pihak dan sebenarnya inilah yang cuba dicapai setiap kali pertembungan antara dua pihak berlaku. Dalam berkomunikasi, kesopanan akan menyerlah apabila kedua-dua pihak berasa selesa, tidak tersinggung dan air mukanya terpelihara. Lanjutan itu, setiap penutur sewajarnya menjaga air muka lawan tuturnya menerusi pendekatan berbahasa yang mencirikan kesopanan. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Marlyna Maros (2011: 15) yang menyatakan bahawa keperluan menjaga air muka dan hubungan baik sesama penutur mencerminkan nilai budaya Melayu agar pertuturan tidak menyinggung perasaan orang lain. Berdasarkan analisis juga, didapati kedua-dua data korpus tidak sejajar dengan maksim Kerendahan Hati kerana tiada padanan data yang sesuai dengan maksim berkenaan. Maksim Kerendahan Hati lebih kepada penelitian terhadap sikap merendah diri yang tidak bersesuaian dengan data korpus perutusan pakej rangsangan ekonomi yang bertujuan menyantuni kebajikan rakyat dari segi ekonomi sempena PKP akibat penularan wabak COVID 19. Perbincangan terhadap data analisis dilakukan berdasarkan kesejajaran data dengan urutan maksim dalam PS Leech, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Persetujuan, Kerendahan Hati dan Simpati.

Kesejajaran Perutusan; Maksim Kebijaksanaan

Kesejajaran perutusan dengan kesopanan dizahirkan menerusi pengaplikasian maksim Kebijaksanaan. Maksim ini merujuk kepada ungkapan pendapat yang beradab, bersopan santun dan bukannya pendapat yang biadab selain mengimpilikasikan kos yang minimum kepada pendengar. Bagi meminimumkan kos kepada pendengar, penutur perlulah mengambil langkah mengujarkan pendapat yang bersifat minimum kosnya agar tidak menyinggung dan membebaskan pendengar atau lawan tuturnya. Dalam konteks perutusan pakej rangsangan ekonomi, didapati YABTSMY telah menggunakan pendekatan bijaksana berdasarkan maksim Kebijaksanaan dalam memulakan bicara, mengajak dan menasihati sebagaimana paparannya dalam jadual 4 berikut:

Jadual 4: Kesejajaran Perutusan; Maksim Kebijaksanaan

Perutusan	Data	Maksim	Pendekatan
PRERP-27Mac	Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Saudara dan saudari rakyat Malaysia yang saya kasihi, Apa khabar semua?	Kebijaksanaan	Membuka bicara
	Saya minta sokongan daripada saudara dan saudari sekalian, marilah kita berganding bahu mengharungi krisis ini bersama-sama.		Mengajak
PRERPT-6April	Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Saudara dan saudari rakyat Malaysia yang saya kasihi. Apa khabar semua? Saya harap saudara-saudari sihat walafiat.	Kebijaksanaan	Membuka bicara
	Teruslah sabar, tenang dan istiqamah. Insya-Allah, kita akan bangkit semula.		Memberi nasihat
	Bagi warga emas yang mungkin tak berapa cekap menggunakan <i>handphone</i> , mintalah bantuan anak atau cucu untuk isi maklumat yang diperlukan.		Memberi cadangan

Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan menerusi pendekatan yang bijaksana dalam memulakan bicara PRERP-27Mac. Beliau memulakan perutusan dengan kalimah suci “Bismillahirrahmanirrahim”. Tindakan mendahulukan ucapan dengan membaca “Basmallah” atau “Bismillahirrahmanirrahim” setiap kali memulakan atau melakukan sesuatu urusan, pekerjaan atau perbuatan sebenarnya memberi kebaikan dan memiliki fadhilat yang sangat besar kerana

mengutamakan Kebesaran Allah. Seterusnya, diikuti dengan ungkapan salam “Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera”. Penggunaan kedua-dua ungkapan salam ini menandakan kebijaksanaan dalam memilih ungkapan yang sekali gus menzahirkan kesopanan dalam berbahasa. “Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh ditujukan khas kepada takyat Malaysia yang beragama Islam manakala ucapan “Salam Sejahtera” pula ditujukan kepada rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam. Penggunaan kedua-dua ungkapan ini memperlihatkan kepekaan dalam menyampaikan ucapan agar semua rakyat berasa dihormati dan berada dalam ingatan seorang pemimpin. Amalan ini juga amat signifikan dengan budaya Melayu khususnya bagi yang beragama Islam sebelum memulakan bicara kerana salam akan diujar dan wajib disambut. Wan Aminurrashid (2002: 15) mengatakan bahawa kita akan berasa tenang hati apabila orang mengucapkan salam kerana dia mendoakan kesejahteraan kita dan dapat mengeratkan persaudaraan sesama Islam. Tindakan membuka bicara dengan mengucapkan salam memanifestasikan budaya sopan yang amat mementingkan kehalusan budi bahasa sebagai penanda penghormatan kepada pihak lain. Usaha ini bukan sahaja dapat meraih hati rakyat malahan dapat memaksimumkan manfaat kepada rakyat sebagai pendengar.

Seterusnya, ucapan diteruskan dengan mendekati rakyat Malaysia dengan kata panggilan yang sesuai dan pertanyaan khabar “Saudara dan saudari rakyat Malaysia yang saya kasihi, Apa khabar semua”? Penggunaan kata panggilan atau kata sapaan “saudara dan saudari rakyat Malaysia” amat mesra pada pendengaran kita dalam usaha seorang pemimpin menyantuni rakyat jelata dan sebagai penghubung antara beliau dan rakyat. Penggunaan kata sapaan tersebut menunjukkan tiada sesiapa yang tertinggal kerana ungkapan “saudara dan saudari rakyat Malaysia” merangkumi semua yang bermastautin di Malaysia selain menzahirkan penghargaan pemimpin kepada rakyat. Awang Sariyan (2007: 36) membuat penegasan bahawa sistem sapaan bermaksud kaedah yang digunakan oleh sesuatu masyarakat atau bangsa untuk menegur atau menyapa seseorang baik dalam konteks rasmi mahupun tidak rasmi. Sistem sapaan berperanan sebagai penghubung langsung antara pihak yang menyapa dengan pihak yang disapa. Bentuk-bentuk sapaan menjadi unsur wacana penting dalam pelbagai komunikasi manusia dan perlu digunakan dengan tepat menurut sistem yang diterima masyarakat atau oleh pihak yang diberi wibawa menentukannya. Sementara pertanyaan khabar “Apa khabar semua?” pula mencerminkan sifat keprihatinan pemimpin kepada rakyat yang dinaunginya. Pertanyaan ini juga bersesuaian dengan situasi semasa, iaitu rakyat dalam proses mengadaptasi PKP yang bermula pada 18 Mac 2020. Perkara yang sama diulangi dalam menyampaikan perutusan PRERPT-6April. Beliau memulakan perutusan dengan ungkapan kalimah suci “Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Saudara dan saudari rakyat Malaysia yang saya kasihi. Apa khabar semua? Saya harap saudara-saudari sihat walafiat”. Ungkapan-ungkapan mulia, salam dan bertanyakan khabar kepada rakyat Malaysia menandakan kesopanan berbahasa bagi memulakan bicara dalam usaha menyantuni rakyat yang masih dalam proses mengadaptasi norma dan normal baharu dalam kehidupan. Marlyna Maros & Mohd Baharin Mayidin (2011: 231) mengatakan bahawa *assalamualaikum* bermaksud mengucapkan selamat sejahtera kepada pendengar dan tidak berkaitan dengan topik perbincangan melainkan maklumat mengenai agama kepercayaan penutur dan sifat santunnya. Usaha memberi salam semasa memulakan bicara merupakan amalan yang dituntut dalam agama selain melambangkan kesopanan berbahasa. Tindakan ini dapat memaksimumkan manfaat kepada orang yang mendengar, iaitu komuniti

wacana rakyat Malaysia. Apabila kedua-dua pihak mendapat manfaat, maka semua pihak berada dalam zon yang selesa.

Dalam PRERP-27Mac juga memperlihatkan penggunaan pendekatan bijaksana dalam mengajak. Perbuatan mengajak atau menjemput seseorang memanasikan amalan yang murni namun dari segi kesantunan, ini tergolong dalam kesantunan yang negatif jika penyampaian tidak disusuli dengan bahasa yang lembut dan sopan. Walau bagaimanapun, pendekatan mengajak ini tetap memberikan manfaat kepada seseorang. Kebijaksanaan mengajak dan menjemput ini ditandai kata “marilah” yang memanasikan kelembutan dalam berkomunikasi. “Saya minta sokongan daripada saudara dan saudari sekalian, marilah kita berganding bahu mengharungi krisis ini bersama- sama”. Beliau mengajak rakyat agar bersama-sama untuk berganding bahu menghadapi krisis kesihatan akibat penularan wabak COVID 19. Frasa “marilah kita berganding bahu mengharungi krisis ini bersama- sama” memperlihatkan pendekatan bijaksana dalam mengajak seluruh rakyat Malaysia agar memberikan sokongan padu kepada usaha kerajaan. Penggunaan partikel “lah” dalam ajakan “marilah” memanasikan kelembutan dan bertepatan dengan usaha untuk mengajak seluruh rakyat berganding bahu. Ajakan, cadangan dan suruhan akan menjadi lebih lunak dan sopan apabila disertai dengan partikel “lah”. Abdul Razak Mohd. Kassim (1997: 158) menegaskan bahawa penerapan partikel “lah” dalam penggunaan bahasa bertujuan untuk menegaskan sesuatu pernyataan dan untuk melembutkan serta melunakkan sesuatu pernyataan. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam analisis, partikel “lah” dalam kajian ini bertujuan untuk melembut serta melunakkan sesuatu pernyataan. Penggunaan partikel “lah” dapat melembutkan nada pertuturan agar lebih mesra pada pendengaran pendengar, iaitu rakyat Malaysia sekali gus memperlihatkan kebijaksanaan dalam berkomunikasi. Perkara ini seiring dengan nilai hidup masyarakat Melayu yang bersikap lemah lembut dan bersopan santun dalam pergaulan sehingga terungkap dalam pertuturannya. Nor Azian Abdul Aziz (2005: 59) pula mengemukakan bahawa partikel “lah” mampu melembutkan sesuatu ujaran dan dapat membuat pendengar berasa senang.

Sehubungan itu, perutusan ini juga memperlihatkan penggunaan pendekatan bijaksana dalam menasihati. Tindakan memberi nasihat merupakan kesopanan yang negatif kerana pendengar berasa terbeban dengan nasihat yang diterima. Walau bagaimanapun, jika disampaikan dengan berhemah, maka memberikan impak yang positif. Dalam PRERP-6April, YABTSMY telah memberikan nasihat kepada rakyat Malaysia dalam ayat “Teruslah sabar, tenang dan istiqamah. Insya-Allah, kita akan bangkit semula”. Pemilihan perkataan yang digunakan menzahirkan kebijaksanaan kerana perkataan “sabar”, “tenang” dan “istiqamah” merupakan golongan kata adjektif yang mencerminkan sifat dalaman yang positif, luhur dan mulia. Ketiga-tiga kata sifat ini memanasikan nasihat yang bertujuan untuk menenangkan dan mententeramkan jiwa rakyat Malaysia. Sementara penggunaan perkataan “Teruslah” dalam ayat ini memperlihatkan suatu pujukan daripada seorang pemimpin negara yang prihatin dengan isu dan perasaan resah rakyat akibat penularan wabak COVID 19. Penambahan partikel “lah” dalam nasihat ini memberikan cerminan kelembutan sesuatu nasihat sehingga menyenangkan pendengaran. Nasihat ini juga mencirikan unsur persuasif, iaitu bersesuaian dengan situasi yang dialami rakyat Malaysia dalam tempoh PKP selain memberikan memaksimumkan manfaat dan meminimumkan kos pendengar sebagaimana gagsan dalam maksim Kebijaksanaan.

PRERPT-6April juga memperlihatkan penggunaan pendekatan memberi cadangan berdasarkan maksim Kebijaksanaan. Pendekatan ini terdapat dalam pernyataan “Bagi warga emas yang mungkin tak berapa cekap menggunakan *handphone*, mintalah bantuan anak atau cucu untuk isi maklumat yang diperlukan”. Pernyataan ini mencitrakan kehalusan berbahasa seorang pemimpin dalam memberikan cadangan kepada rakyat khususnya warga emas. Cadangan disampaikan dengan unsur kesantunan yang memperlihatkan pemilihan dan penggunaan kosa kata dan frasa yang sangat berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan pihak tertentu. Frasa “Bagi warga emas yang mungkin tak berapa cekap” menzahirkan unsur berlapik atau beralas dalam berkomunikasi. Beliau boleh menggunakan frasa “Bagi warga emas yang tidak cekap” bagi menyampaikan cadangan ini, namun boleh mengintepretasikan impak yang negatif kerana secara langsung menyatakan warga emas tidak cekap menggunakan telefon bimbit. Pemilihan frasa “yang mungkin tak berapa” membawa maksud ada kebarangkalian warga emas yang cekap dan ada juga yang tidak berapa cekap. Justeru, penggunaan frasa “yang mungkin tak berapa” merupakan pendekatan yang halus dan sopan dalam memberikan cadangan. Sementara frasa “mintalah bantuan anak atau cucu untuk isi maklumat yang diperlukan” pula mencerminkan cadangan yang berunsur kelembutan apabila kosa kata “minta + partikel “lah” yang menjadikan cadangan ini lebih lembut. Penggunaan frasa “warga emas” sebagai frasa ganti nama yang merujuk kepada golongan atau warga yang sudah tua juga memperlihatkan penggunaan bahasa yang berlapik dan halus kerana berupaya mengangkat sumbangan warga tua. ‘Emas’ merupakan sejenis galian yang mahal untuk dimiliki dan diasosiasikan dengan warga tua. Pendekatan memberi cadangan dengan cara yang berlapik dan penuh kehalusan sejajar dengan maksim Kebijaksanaan yang memaksimumkan manfaat kepada pihak lain apabila mereka berasa sejuk hati menerima cadangan. Menurut Tenas Effendy (2011: 40), orang tua-tua ada mengatakan “Apabila hendak memberi saran, elokkan niat luaskan fikiran”. Pendapat ini merupakan suatu representasi bahawa pemikiran yang bernas dan niat yang ikhlas amat penting agar saranan atau cadangan memberikan manfaat kepada orang lain dan hal ini amat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu yang terkenal dengan kehalusan budi bahasa.

Kesejajaran Perutusan; Maksim Kedermawanan

Kesejajaran perutusan dengan kesopanan berbahasa PS Leech (1983) turut dizahirkan menerusi pengaplikasian maksim Kedermawanan. Maksim ini dianalisis dengan meneliti perbuatan yang menggambarkan sikap murah hati, iaitu dengan memberi dan menawarkan bantuan. Maksim ini juga mengambil kira sikap menolak bantuan dan pelawaan yang turut termasuk dalam sikap dermawan. Penggunaan maksim ini menunjukkan kebaikan hati seseorang kerana memikirkan kos yang akan ditanggung oleh orang lain walaupun diri sendiri menanggung beban. Dalam konteks perutusan pakej rangsangan ekonomi, didapati YABTSMY telah menggunakan pendekatan memberikan bantuan dan meringankan beban berdasarkan maksim Kedermawanan dalam menyantuni rakyat semasa PKP sebagaimana paparannya dalam jadual 5 berikut:

Jadual 5: Kesejajaran Perutusan; Maksim Kedermawanan

Perutusan	Data	Maksim	Pendekatan
PRERP-27Mac	Kerajaan akan memberikan bantuan tunai sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada lebih 1.5 juta penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk mereka yang bekerja secara kontrak. Sumbangan pesara Kerajaan juga tidak dilupakan. Dengan ini, Kerajaan akan menyalurkan bantuan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada lebih 850,000 pesara Kerajaan juga pada bulan April 2020.	Kedermawanan	Memberikan bantuan
	Selain itu, Kerajaan juga akan terus menyalurkan pelbagai bantuan kepada petani, penternak dan nelayan termasuk dalam bentuk bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan untuk menggalakkan pengeluaran domestik.		
PRERP-6April	Hasil daripada semua usaha tersebut, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau “PRIHATIN TAMBAHAN”. Pakej tambahan berjumlah RM10 bilion ini diharapkan dapat membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan.	Kedermawanan	Meringankan beban

Maksim Kedermawanan diperlihatkan menerusi pendekatan memberikan bantuan dan pendekatan meringankan beban rakyat dalam PRERP-27Mac. YABTSMY yang mewakili kerajaan Malaysia telah mengumumkan pakej rangsangan yang bertujuan membantu rakyat semasa PKP akibat penularan wabak pandemik COVID 19. Pendekatan memberikan bantuan terdapat dalam pernyataan “Kerajaan akan memberikan bantuan tunai sebanyak RM500 secara *one-off* kepada lebih 1.5 juta penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk mereka yang bekerja secara kontrak. Sumbangan pesara Kerajaan juga tidak dilupakan. Dengan ini, Kerajaan akan

menyalurkan bantuan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada lebih 850,000 pesara Kerajaan juga pada bulan April 2020". Pernyataan ini memanifestasikan sikap dermawan kerajaan terhadap rakyat dengan memberikan bantuan kewangan. Penanda pendekatan memberikan bantuan diperlihatkan menerusi frasa "menyalurkan bantuan" dalam pernyataan tersebut. Pihak yang mendapat bantuan kewangan merangkumi 1.5 juta penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk mereka yang bekerja secara kontrak dan 850,000 pesara Kerajaan. Sikap dermawan dengan memberikan bantuan kewangan sebanyak RM500, menunjukkan keprihatinan dan kemuliaan hati para pemimpin agar rakyat tidak terbeban dengan kos hidup. Dalam pernyataan "Sumbangan pesara Kerajaan juga tidak dilupakan" amat jelas menandakan kebaikan hati pihak kerajaan dalam menghargai pesara yang telah berjasa kepada negara. Frasa "tidak dilupakan" mencitrakan keluhuran sikap dermawan kerajaan dengan mengingat jasa golongan pesara. Pendekatan yang diambil oleh kerajaan ini selaras dengan gagasan maksim Kedermawanan, iaitu meminimumkan manfaat bagi diri sendiri atau kerajaan dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri atau pihak kerajaan. Dalam konteks ini, kerajaan yang menanggung kos demi kesejahteraan rakyat jelata yang dibelenggu impak penularan COVID 19.

Sehubungan itu, atas sikap dermawan kerajaan maka sekali lagi bantuan diberikan menerusi pendekatan meringankan beban rakyat khususnya PKS dalam PRERPT-6 April. "Hasil daripada semua usaha tersebut, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau "PRIHATIN TAMBAHAN". Pakej tambahan berjumlah RM10 bilion ini diharapkan dapat membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan". Pendekatan meringankan beban diinterpretasikan menerusi frasa "membantu meringankan beban kewangan" dalam pernyataan tersebut. Berdasarkan frasa tersebut, didapati kerajaan mengambil pendekatan dengan meringankan beban kewangan PKS menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Tambahan yang diumumkan pada 06 April 2020. Jika disoroti, ternyata pihak kerajaan menerusi perutusan YABTSMY bukan sahaja mencitrakan sikap dermawan yang tinggi dalam meringankan beban rakyat, sebaliknya memaksimumkan kos di pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, perutusan ini berupaya melegakan hati komuniti wacana dalam situasi dibelenggu kesusahan apabila kerajaan mengisytiharkan PKP ekoran penularan wabak COVID 19. Mustafa Daud (1995: 7) mengatakan bahawa kebudiinan dan kedermawanan seseorang itulah yang disanjung dan dihargai oleh masyarakat. Justeru, dapat diperjelas bahawa pendekatan yang diambil kerajaan ini mencerminkan sifat yang mulia dalam memberikan bantuan dan meringankan beban rakyat sekali gus mengharmoniskan hubungan sesama insan khususnya antara pemimpin dan rakyat.

Kesejajaran Perutusan; Maksim Sokongan

Kesejajaran perutusan dengan kesopanan berbahasa PS Leech (1983) juga dimanifestasikan menerusi pengaplikasian maksim Sokongan. Maksim ini berfokus pada lakuan memuji dan mengurangkan cacian. Data-data yang berpadanan dengan lakuan memuji, menghargai seperti ucapan tahniah dan terima kasih selain kata atau ungkapan yang mengurangkan cacian diklasifikasikan sebagai maksim ini. Dalam konteks perutusan pakej rangsangan ekonomi, didapati YABTSMY telah menggunakan pendekatan memberikan penghargaan, memberi pujian dan

mengurangkan cacian berdasarkan maksim Sokongan dalam menyantuni rakyat semasa PKP sebagaimana paparannya dalam jadual 6 berikut:

Jadual 6: Kesejajaran Perutusan; Maksim Sokongan

Perutusan	Data	Maksim	Pendekatan
PRERP-27Mac	Saya bagi pihak Kerajaan amat berterima kasih kepada Bank Negara Malaysia dan industri perbankan yang menawarkan kelonggaran ini.	Sokongan	Memberikan penghargaan
	Kerajaan juga tidak lupa menjaga kebajikan semua penjawat awam yang terus setia menjalankan amanah kepada negara.		Memberikan pujian
PRERP-6April	Saya lihat di media sosial, ada suami yang mula memakai baju kelawar isteri. Ada yang mengayuh basikal dalam rumah. Ada juga yang mengubah ucapan saya menjadi lagu. Saya harap ini bukanlah kejadian pelik, atau buang tabiat kata orang.	Sokongan	Mengurangkan cacian
	Ini adalah sebahagian daripada kreativiti anda semua untuk menghilangkan rasa bosan duduk di rumah. Yang penting saya fikir saudara-saudari mempunyai cara tersendiri untuk menghadapi dugaan dan ujian.		Memberikan pujian
	Dan saya yakin Tuhan tidaklah menguji atau membebani kita dengan sesuatu yang tidak boleh kita tanggung.		
	Akhir sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas di barisan hadapan yang terus menjalankan amanah dengan penuh dedikasi. Terima kasih semua doktor, jururawat, anggota polis, anggota tentera, imigresen, RELA, bomba, kakitangan JKM, sukarelawan NGO dan semua yang terlibat di barisan hadapan. Terima kasih juga kepada anda sekalian yang sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan.		Memberikan penghargaan

Maksim Sokongan diperlihatkan menerusi pendekatan memberikan penghargaan, memuji dan mengurangkan cacian sebagaimana dalam PRERP-27Mac dan PRERPT-6April. YABTSMY dalam kedua-dua perutusannya, memperlihatkan aspek kesopanan berbahasa yang berupaya memenangi hati rakyat berdasarkan kehalusan dan pujian terhadap rakyat walaupun dalam situasi yang agak rencam sejak PKP diumumkan oleh kerajaan. Berdasarkan pernyataan “Saya bagi pihak Kerajaan amat berterima kasih kepada Bank Negara Malaysia dan industri perbankan yang menawarkan kelonggaran ini” sebagaimana dalam PRERP-27Mac. Ungkapan “berterima kasih” ditujukan kepada Bank Negara Malaysia dan industri perbankan yang memberikan kelonggaran kepada rakyat dalam pembayaran pinjaman. Ucapan “terima kasih” menandakan pemberian dan memaksimumkan penghargaan kepada pihak yang sudah menaburkan jasa dan sebaik-baiknya wajar dihargai. Kelazimannya, pihak yang mendapat penghargaan sudah tentu berbesar hati sekali gus memaksimumkan manfaat kepada mereka.

Seterusnya, dalam pernyataan “Kerajaan juga tidak lupa menjaga kebajikan semua penjawat awam yang terus setia menjalankan amanah kepada negara” menandakan pendekatan memberi pujian kepada penjawat awam menerusi ungkapan pujian “terus setia”. “Setia” merupakan kata sifat yang mulia dan berunsur positif yang berupaya memotivasikan seseorang untuk berterusan menunjukkan kesetiaan dan ketaatan kepada negara. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019: 1481) mendefinisikan setia sebagai teguh hati atau tetap hati. Oleh itu, penggunaannya amat bersesuaian sekali gus menyejukkan hati rakyat yang sedang dilanda kegusaran dan keresahan akibat penularan wabak COVID 19. Tambahan pula, pujian ini diberikan oleh seorang pemimpin negara kepada rakyat jelata yang sememangnya amat menggembirakan hati rakyat. Tindakan ini juga menandakan usaha seorang pemimpin dalam memaksimumkan pujian kepada pihak lain, iaitu rakyat.

Sementara dalam PRERPT-6April pula, maksim Sokongan diperlihatkan menerusi pendekatan mengurangkan cacian. Berdasarkan pernyataan “Saya lihat di media sosial, ada suami yang mula memakai baju kelawar isteri. Ada yang mengayuh basikal dalam rumah. Ada juga yang mengubah ucapan saya menjadi lagu. Saya harap ini bukanlah kejadian pelik, atau buang tabiat kata orang”. Beliau menggunakan pendekatan mengurangkan cacian terhadap tiga perbuatan yang agak aneh jika diteliti dari sisi kelaziman semasa PKP, iaitu suami yang mula memakai baju kelawar isteri, ada yang mengayuh basikal dalam rumah dan ada juga yang mengubah ucapan saya menjadi lagu. Pendekatan mengurangkan cacian diteliti berdasarkan pernyataan “Saya harap ini bukanlah kejadian pelik, atau buang tabiat kata orang”. “Pelik” merujuk kepada perbuatan yang luar dari kelaziman manakala “buang tabiat” pula merupakan simpulan bahasa yang membawa maksud perbuatan yang aneh dan lain dari kebiasaan. Dalam konteks situasi lazim, kelakuan-kelakuan tersebut boleh dianggap aneh kerana lari dari kelaziman dalam kehidupan seharian. Oleh itu, beliau cuba mengurangkan cacian dengan menafikan perbuatan-perbuatan tersebut yang ditandai kata nafi “bukan + partikel “lah” sebagai tanda menyokong perbuatan tersebut sebagai bukan pelik agar tiada pihak yang membuat cacian dan berasa dicaci. Penambahan partikel “lah” menjadikan sokongan tersebut lebih lembut dan santai. Pendekatan mengurangkan cacian ini sejajar dengan meminimumkan cacian terhadap orang lain dalam gagasan maksim Sokongan PS Leech (1983).

Seterusnya, beliau menggunakan pendekatan memberi pujian terhadap kelakuan rakyat Malaysia semasa PKP. Berdasarkan pernyataan “Ini adalah sebahagian daripada kreativiti anda semua untuk menghilangkan rasa bosan duduk di rumah. Yang penting saya fikir saudara-saudari mempunyai cara tersendiri untuk menghadapi dugaan dan ujian” menandakan pujian kepada rakyat walaupun kelakuan-kelakuan (suami yang mula memakai baju kelawar isteri, ada yang mengayuh basikal dalam rumah dan ada juga yang mengubah ucapan saya menjadi lagu) tersebut agak aneh. Pemberian pujian ditandai oleh penggunaan perkataan “kreativiti” dalam pernyataan “Ini adalah sebahagian daripada kreativiti anda semua untuk menghilangkan rasa bosan duduk di rumah”. Beliau menganggap kelakuan yang agak aneh semasa PKP tersebut merupakan suatu kreativiti sebagai cara rakyat menghilangkan rasa bosan. “Kreativiti” tergolong dalam kata adjektif, iaitu sifat manusia yang memiliki kelebihan dan keistimewaan. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019: 828) mentakrifkan kreativiti sebagai kemampuan mencipta, daya kreatif dan kekreatifan. Justeru, pujian ini memanifestasikan bahawa rakyat Malaysia memiliki kebolehan mencipta dan bersifat kreatif khususnya mereka yang mengubah ucapan YABTSMY menjadi sebuah nyanyian. Pendekatan memberikan pujian ini sejajar dengan gagasan maksim Sokongan yang memaksimumkan pujian kepada orang lain atau daripada seorang pemimpin kepada rakyat. Pujian amat penting sebagaimana penegasan Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999: 7) bahawa komunikasi yang mencerminkan penghargaan perlu mengandungi pujian dan sanjungan.

Pendekatan memberikan pujian juga terdapat dalam perutusan PRERPT-6 April berdasarkan pernyataan “Dan saya yakin Tuhan tidaklah menguji atau membebani kita dengan sesuatu yang tidak boleh kita tanggung”. Pujian kepada Tuhan diungkapkan dengan menggunakan kata nafi “tidak” yang ditambah partikel “lah” dalam frasa “Tuhan tidaklah menguji atau membebani kita”. “Membebani” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019: 142) bermaksud memberi beban atau tanggungan yang berat sehingga menyebabkan seseorang menanggung beban. Berdasarkan ungkapan atau frasa “Tuhan tidaklah menguji atau membebani kita”, dapat diinterpretasikan bahawa Tuhan amat baik hati dan memiliki kemuliaan yang maha tinggi kerana tidak akan menguji dan memberikan bebanan yang berat kepada umat-Nya. Dalam konteks pendekatan pujian ini, didapati pujian disampaikan secara tidak langsung dan memerlukan penginterpretasian agar berupaya memaksimumkan pujian kepada Tuhan sebagai pencipta. Berdasarkan penyampaian maklumat dalam pernyataan “Dan saya yakin Tuhan tidaklah menguji atau membebani kita dengan sesuatu yang tidak boleh kita tanggung” memperlihatkan penggunaan ungkapan epistemik menerusi penggunaan kosa kata “yakin” yang menzahirkan pengetahuan dan pendirian penutur atau YABTSMY dalam menyantuni komuniti wacana semasa menyampaikan perutusan. Perkara ini diperjelas Asmah Omar (1996: 35), iaitu penggunaan ungkapan epistemik dalam menyampaikan pendapat menerusi ungkapan seperti percaya, yakin, berpendapat, bimbang, rasa dan ragu-ragu menunjukkan pengetahuan pihak penutur yang diwarnakan dengan pendirian atau pendapatnya.

Kesejajaran Perutusan; Maksim Persetujuan

Kesejajaran perutusan dengan kesopanan berbahasa PS Leech (1983) juga dimanifestasikan menerusi pengaplikasian maksim Persetujuan. Maksim ini berfokus persetujuan, iaitu sama ada persetujuan secara langsung dengan mengiakan, mengulang semula perkara yang diperkatakan dan persetujuan dalam bentuk pertanyaan. Dalam konteks kedua-dua perutusan pakej rangsangan

ekonomi, didapati YABTSMY telah menggunakan pendekatan persetujuan secara langsung, secara tidak langsung dan kesepakatan berdasarkan Maksim Persetujuan dalam menyantuni rakyat semasa PKP sebagaimana paparannya dalam jadual 7 berikut:

Jadual 7: Kesejajaran Perutusan; Maksim Persetujuan

Perutusan	Data	Maksim	Pendekatan
PRERP-27Mac	Kerajaan telah bersetuju untuk menangguhkan bayaran balik PTPTN kepada semua peminjam selama 6 bulan melibatkan kutipan sebanyak RM750 juta.	Persetujuan	Persetujuan secara langsung
	Sepertimana yang telah diumumkan semalam, untuk menzahirkan keprihatinan dan kepedulian pimpinan kerajaan terhadap keperluan rakyat pada masa ini, saya dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri bersetuju agar dua bulan gaji kami semua dipotong dan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19.		Kesepakatan
	Kerajaan membenarkan pengeluaran pra-persaraan dari akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga jumlah RM1,500 bagi setiap ahli tanpa sebarang penalti cukai dalam tempoh bulan April hingga Disember 2020.		Persetujuan secara tidak langsung
(PRERPT-6April).	Saya juga tahu kesukaran yang dihadapi oleh pihak syarikat untuk mengemukakan dokumen berkanun bagi memenuhi keperluan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam tempoh PKP ini. Oleh itu, kerajaan bersetuju untuk memberikan moratorium secara automatik selama 30 hari daripada tarikh terakhir PKP untuk pihak syarikat mengemukakan dokumen berkanun kepada SSM.	Persetujuan	Persetujuan secara langsung

Maksim Persetujuan diperlihatkan menerusi pendekatan persetujuan secara langsung, secara tidak langsung dan kesepakatan sebagaimana dalam PRERP-27Mac dan PRERPT-6April. YABTSMY dalam kedua-dua perutusannya, memperlihatkan aspek kesopanan berbahasa yang berupaya memberi keyakinan dan meraih kepercayaan rakyat semasa menghadapi ujian COVID 19. PRERP-27Mac menunjukkan penggunaan ketiga-tiga pendekatan. Pendekatan persetujuan secara langsung diperlihatkan dalam pernyataan “Kerajaan telah bersetuju untuk menangguhkan bayaran balik PTPTN kepada semua peminjam selama 6 bulan melibatkan kutipan sebanyak RM750 juta”. Persetujuan secara langsung ditandai frasa “Kerajaan telah bersetuju” dalam

menangguhkan bayaran balik PTPTN. Penggunaan kosa kata “bersetuju” menandai bersependapat yang mencerminkan persetujuan secara langsung di pihak kerajaan dalam menangguhkan bayaran balik PTPTN kepada peminjam. Persetujuan ini mencerminkan persetujuan maksimum pihak kerajaan yang sekali gus memberikan manfaat kepada rakyat dalam menghadapi kemelut akibat COVID 19.

Pendekatan yang memperlihatkan kesepakatan pula terdapat dalam pernyataan “Sepertimana yang telah diumumkan semalam, untuk menzahirkan keprihatinan dan kepedulian pimpinan kerajaan terhadap keperitan rakyat pada masa ini, saya dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri bersetuju agar dua bulan gaji kami semua dipotong dan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19”. Pendekatan kesepakatan diperlihatkan menerusi frasa “saya dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri bersetuju” yang memanifestasikan wujudnya ciri permuafakatan antara YABTSMY sebagai Perdana Menteri dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri bagi mencapai kesepakatan pemotongan dua bulan gaji dan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19. Tersiratnya, keputusan ini tidak dibuat oleh beliau seorang diri, tetapi menerusi muafakat dengan jemaah menteri yang implikasinya berupaya meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain sebaliknya kesepakatan ini memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain sebagaimana gagasan dalam maksim Persetujuan PS Leech (1983).

Sehubungan itu, pendekatan persetujuan secara tidak langsung pula terdapat dalam pernyataan “Kerajaan membenarkan pengeluaran prapersaraan dari akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga jumlah RM1,500 bagi setiap ahli tanpa sebarang penalti cukai dalam tempoh bulan April hingga Disember 2020”. Persetujuan dalam konteks pernyataan ini, dikategorikan sebagai secara tidak langsung kerana penandanya bukan perkataan bersetuju sebaliknya menggunakan kosa kata “membenarkan” yang turut menzahirkan persetujuan. “Membenarkan” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019: 159) bermaksud membetulkan, menganggap benar, mengiakan dan menyetujui. Justeru, pernyataan tersebut mencerminkan persetujuan kerajaan agar rakyat membuat pengeluaran prapersaraan walaupun disampaikan secara tidak langsung. Penggunaan pendekatan ini turut memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain dalam gagasan maksim Persetujuan PS Leech (1983). Persetujuan yang disampaikan secara tidak langsung ini bukan hanya meminimumkan perbalahan malahan melancarkan komunikasi atau penyampaian maklumat.

Sementara dalam PRERPT-6April pula terdapat penggunaan pendekatan persetujuan secara langsung sahaja berdasarkan pernyataan “Oleh itu, kerajaan bersetuju untuk memberikan moratorium secara automatik selama 30 hari daripada tarikh terakhir PKP untuk pihak syarikat mengemukakan dokumen berkanun kepada SSM”. Pernyataan ini jelas mencerminkan persetujuan kerajaan yang ditandai kosa kata “bersetuju” dalam memberikan moratorium berdasarkan syarat tertentu yang berupaya meningkatkan kefahaman dan keyakinan rakyat. Persetujuan secara langsung ini berkemampuan memperlihatkan usaha pihak kerajaan bagi memaksimumkan persetujuan dalam membuat keputusan membantu rakyat dalam tempoh PKP.

Kesejajaran Perutusan; Maksim Simpati

Kesejajaran perutusan dengan kesopanan berbahasa PS Leech (1983) juga dimanifestasikan menerusi pengaplikasian maksim Simpati. Maksim Simpati dikenal pasti melalui ekspresi belas kasihan apabila mendengar peristiwa yang malang, menyedihkan dan tragis. Seseorang yang tahu budaya berbahasa sudah pasti memahami dan mengekspresikan sikap belas kasihan atas nasib atau permasalahan yang menimpa orang lain. Sikap simpati ditandai kata seperti simpati, kasihan, risau, sedih dan ayat yang menggambarkan sikap mengambil berat. Dalam konteks kedua-dua perutusan pakej rangsangan ekonomi, didapati YABTSMY telah menggunakan pendekatan memahami situasi, memahami keperitan, memahami masalah dan memahami perasaan berdasarkan maksim Simpati dalam menyantuni rakyat semasa tempoh PKP sebagaimana paparannya dalam jadual 8 berikut:

Jadual 8: Kesejajaran Perutusan; Maksim Simpati

Perutusan	Data	Maksim	Pendekatan
PRERP-27Mac)	Saya faham bahawa dalam keadaan bencana seperti yang kita sedang hadapi ini, sebahagian besar daripada saudara-saudari terjejas dari segi sumber pendapatan.	Simpati	Memahami situasi
	Saya juga tahu keperitan yang dihadapi oleh golongan B40 di kawasan bandar, terutamanya mereka yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam.		Memahami keperitan
	Saya faham sektor korporat juga terjejas dengan situasi yang kita hadapi pada waktu ini. Sektor ini tidak akan diabaikan.		Memahami masalah
PRERP-6April	Dalam kalangan perusahaan mikro dan kecil, Kerajaan juga mengambil kira kesan ke atas syarikat baru mula atau <i>startups</i> di mana sumber pelaburan syarikat turut terjejas. Syarikat <i>startups</i> merupakan faktor pemboleh atau enabler serta pendorong yang penting kepada penggunaan teknologi dan kemajuan potensi modal insan bagi menyediakan negara ke arah IR 4.0.	Simpati	Mengambil berat
	Saya tahu setelah tiga minggu saudara-saudari berkurung di rumah, mungkin ada di kalangan saudara-saudari yang berasa agak terbeban dengan dugaan dan ujian Tuhan ini. Selama tiga minggu ini, kita terhalang daripada melakukan perkara-perkara yang biasa kita buat. Kita		Memahami perasaan

tinggalkan hobi kita, kita tinggalkan pekerjaan kita, kita rindu kepada kawan-kawan dan keluarga yang berjauhan. Pendek kata, kehidupan kita amat berbeza, dan kadang-kadang berasa sedikit terbeban.
--

Maksim Simpati diperlihatkan menerusi pendekatan yang mengekspresikan sikap memahami situasi, memahami masalah, memahami kesusahan, memahami perasaan dan mengambil berat sebagaimana dalam PRERP-27Mac dan PRERPT-6April. YABTSMY dalam kedua-dua perutusannya, memperlihatkan aspek kesopanan berbahasa yang mengekspresikan sikap simpati atas dugaan dan ujian yang membelenggu rakyat semasa tempoh PKP dan menghadapi ujian COVID 19. PRERP-27Mac menunjukkan penggunaan pendekatan memahami situasi, memahami masalah dan memahami keperitan rakyat. Pendekatan memahami situasi terdapat dalam pernyataan “Saya faham bahawa dalam keadaan bencana seperti yang kita sedang hadapi ini, sebahagian besar daripada saudara-saudari terjejas dari segi sumber pendapatan”. Ungkapan atau frasa “Saya faham” memperlihatkan sikap simpati seorang pemimpin yang memahami situasi yang dihadapi rakyat dalam tempoh PKP. Penggunaan kata ganti nama “saya + faham” bukan sahaja menzahirkan simpati malahan mencitrakan keperibadian seorang pemimpin yang akrab dengan rakyat walaupun tempoh memegang tampuk pentadbiran agak singkat, hanya beberapa bulan. Beliau tidak menggunakan kata nama, iaitu kerajaan, sebaliknya menggunakan kata ganti nama orang pertama, iaitu “saya” yang sesuai, tepat dan lebih bersifat peribadi dalam menyampaikan sikap simpatinya. Interpretasinya, beliau berupaya memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain, iaitu rakyat Malaysia dalam menghadapi situasi semasa tempoh PKP.

Sementara pernyataan “Saya juga tahu keperitan yang dihadapi oleh golongan B40 di kawasan bandar, terutamanya mereka yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam” menandakan pendekatan simpati yang memahami keperitan rakyat. Frasa “Saya juga tahu keperitan” turut menggunakan kata ganti nama orang pertama “saya + tahu + keperitan” memanifestasikan bahawa simpati beliau amat mendalam seolah-olah merasai keperitan yang dialami rakyat. “Saya + tahu + keperitan” menunjukkan secara peribadi beliau mengekspresikan empati dengan mengetahui, memahami dan mendalami kesusahan rakyat. Beliau menggunakan kosa kata “keperitan” yang bersinonim dengan kesusahan, kepedihan dan kesukaran dalam menghadapi sesuatu musibah akibat ancaman COVID 19. Dalam tempoh PKP, sebahagian rakyat khususnya B40 terjejas pendapatan dan bermasalah untuk membayar pinjaman dan sewa rumah. Pendekatan ini sejajar dengan gagasan maksim Simpati, iaitu memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain dan meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain.

Seterusnya, terdapat juga pengaplikasian pendekatan memahami masalah berdasarkan pernyataan “Saya faham sektor korporat juga terjejas dengan situasi yang kita hadapi pada waktu ini. Sektor ini tidak akan diabaikan.” Beliau secara peribadi mengekspresikan simpati terhadap masalah pengoperasian sektor korporat dalam tempoh PKP menerusi pendekatan memahami masalah yang ditandai frasa “Saya faham sektor korporat juga terjejas”. “Terjejas” bermaksud menerima kesan (biasanya tidak baik) atau rosak dan kesan ini mengundang perasaan simpati YABTSMY. Pernyataan tersebut meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain

khususnya sektor korporat yang terjejas selain memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain sebagaimana dalam gagasan maksim Simpati.

Sementara dalam PRERPT-6 April pula, kesejajaran keputusan dengan maksim Simpati diperlihatkan menerusi pendekatan mengambil berat dan memahami perasaan. Pendekatan mengambil berat terdapat dalam pernyataan “Dalam kalangan perusahaan mikro dan kecil, Kerajaan juga mengambil kira kesan ke atas syarikat baru mula atau *startups* di mana sumber pelaburan syarikat turut terjejas. Syarikat *startups* merupakan faktor pemboleh atau *enabler* serta pendorong yang penting kepada penggunaan teknologi dan kemajuan potensi modal insan bagi menyediakan negara ke arah IR 4.0”. Penggunaan frasa “Kerajaan juga mengambil kira kesan ke atas syarikat baru mula” menunjukkan sikap mengambil berat pihak kerajaan terhadap masalah yang dihadapi syarikat baharu yang terjejas sumber pelaburannya. Ungkapan simpati menerusi pendekatan mengambil berat diekspresikan oleh frasa “kerajaan mengambil kira kesan” yang bermaksud kerajaan amat peka dan mengambil berat akan masalah atau impak yang dihadapi syarikat baharu. Kosakata “kira” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019: 793) turut bermaksud peduli, menghiraukan dan mengendahkan yang bersinonim dengan frasa “mengambil berat”. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019: 771) mendefinisikan kesan sebagai tanda, bekas, hasil, akibat, kebaikan dan keburukan. Dalam konteks data ini, kesan yang dimaksudkan ialah keburukan yang dihadapi oleh syarikat baharu yang mula bertapak. Justeru, penggunaan frasa tersebut menandakan sikap mengambil berat pihak kerajaan yang berupaya memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain atau antara pihak kerajaan dengan rakyat khususnya syarikat baharu.

Pendekatan memahami perasaan pula terdapat dalam pernyataan “Saya tahu setelah tiga minggu saudara-saudari berkurung di rumah, mungkin ada di kalangan saudara-saudari yang berasa agak terbeban dengan dugaan dan ujian Tuhan ini”. Berdasarkan pernyataan ini, beliau menggunakan kata ganti nama peribadi “saya” untuk mengekspresikan sikap memahami perasaan rakyat dalam tempoh PKP agar lebih akrab dan jarak sosialnya lebih dekat. Penggunaan kata ganti nama “saya” ini amat signifikan dan bersesuaian dalam usaha pemimpin negara memahami situasi rakyat yang berasa terbeban dengan ujian wabak COVID 19. Perasaan simpati menerusi pendekatan memahami perasaan diekspresikan menerusi frasa “Saya tahu” yang memperlihatkan bahawa beliau memahami dan mengetahui situasi atau kemelut perasaan yang dialami rakyat yang terkurung dalam rumah akibat PKP. Sementara frasa “mungkin ada di kalangan saudara-saudari yang berasa agak terbeban dengan dugaan dan ujian Tuhan ini” pula mengekspresikan simpati terhadap nasib rakyat yang menanggung kesusahan atau kesukaran akibat wabak COVID 19. Jika diteliti, kehalusan berbahasa turut terserlah menerusi penggunaan kosakata “mungkin” yang bermaksud ‘boleh jadi’ (*Kamus Dewan Edisi Keempat*: 2019) ada atau ‘boleh jadi’ tiada rakyat yang terbeban. Hal ini bermakna beliau amat berhati-hati dalam menyampikan maklumat supaya tiada pihak yang tersinggung walaupun mengekspresikan sikap simpati terhadap kesukaran rakyat.

Maksim Simpati menerusi pendekatan memahami perasaan pula terdapat dalam pernyataan “Kita tinggalkan hobi kita, kita tinggalkan pekerjaan kita, kita rindu kepada kawan-kawan dan keluarga yang berjauhan. Pendek kata, kehidupan kita amat berbeza, dan kadang-kadang berasa sedikit terbeban”. Dalam pernyataan ini, beliau menggunakan kata ganti nama orang pertama tetapi dalam bentuk jamak. Penggunaan kata ganti nama “kita” mencitrakan kebersamaan antara

pemimpin dan rakyat yang mengekspresikan sikap simpati dan prihatin pemimpin terhadap situasi yang dialami rakyat. Sara Beden (2020: 51) membuat penegasan bahawa penggunaan kata ganti nama “kita” walaupun nampak remeh tetapi berimpak besar kerana memprojeksikan aspirasi dan inspirasi Perdana Menteri Malaysia memujuk rakyat Malaysia agar bersama-sama bertanggungjawab memelihara kesejahteraan negara agar bebas daripada pandemik COVID 19. Pernyataan “Kita tinggalkan hobi kita, kita tinggalkan pekerjaan kita, kita rindu kepada kawan-kawan dan keluarga yang berjauhan” mengekspresikan sikap memahami perasaan rakyat dengan meletakkan diri beliau turut mengalami situasi yang sama menerusi kata ganti nama “kita”. Jika disorot, frasa “Kita tinggalkan hobi kita” mengekspresikan sikap beliau yang memahami bahawa rakyat Malaysia mempunyai hobi dalam kehidupan dan terpaksa menghentikan hobi tersebut akibat PKP. Frasa “kita tinggalkan pekerjaan kita” turut mencerminkan sikap memahami perasaan rakyat yang terpaksa duduk di rumah dan menghentikan pekerjaan dan rutin harian bagi mendapatkan sumber rezeki khususnya mereka yang bekerja sendiri buat sementara waktu. Frasa “kita rindu kepada kawan-kawan dan keluarga yang berjauhan” juga menandakan sikap memahami perasaan rakyat yang rindu kepada kawan-kawan dan keluarga yang berjauhan akibat PKP. Beliau menggunakan bahasa emotif, iaitu “rindu” bagi menzahirkan situasi memahami perasaan rakyat yang rindu dengan kawan-kawan dan keluarga. Ujaran bahasa emotif yang digunakan sangat jelas bagi menzahirkan sikap memahami perasaan rakyat. Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016: 33) membuat penegasan bahawa ujaran yang jelas dan mudah difahami akan membantu pendengar memperoleh maklumat dan mengelakkan konflik.

Sementara dalam ayat “Pendek kata, kehidupan kita amat berbeza, dan kadang-kadang berasa sedikit terbeban” menandakan perasaan simpati dengan memahami perasaan rakyat yang terpaksa mengadaptasi norma dan normal baharu kehidupan dalam keadaan yang berbeza berbanding sebelum penularan wabak COVID 19. “Frasa kadang-kadang berasa sedikit terbeban” turut menandakan pendekatan memahami perasaan rakyat yang sememangnya terbeban atau merasai kesukaran dan bebanan yang berat dari segi emosi dan minda akibat penularan wabak COVID 19. Walau bagaimanapun, beliau menggunakan kata adjektif “sedikit” yang menginterpretasikan sikap berhati-hati dalam menyampaikan mesej kepada rakyat walaupun tetap mengekspresikan unsur simpati. Tersiratnya, beliau tidak mahu rakyat berasa tertekan dengan situasi genting yang melanda negara sejak wabak COVID 19 menular. Berdasarkan penelitian, perasaan simpati yang diekspresikan ini dapat diinterpretasikan sebagai unsur persuasif atau inisiatif memujuk seorang pemimpin dalam memenangi dan menenangkan hati rakyat yang dilanda ujian COVID 19. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007: 53) dalam menginterpretasikan ujaran, selain kesan konteks dan konteks yang melatari perbualan, usaha memproses maklumat juga harus dititikberatkan. Usaha memproses ialah usaha yang terlibat dalam menginterpretasikan makna ujaran oleh pendengar, iaitu rakyat Malaysia dalam konteks kajian ini. Luahan perasaan simpati dengan memahami perasaan rakyat berupaya memaksimumkan simpati antara diri pemimpin dengan rakyat dan meminimumkan antipati antara pemimpin dengan rakyat berdasarkan gagasan maksim Simpati dalam PS Leech (1983).

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, didapati lima daripada enam maksim dalam PS Leech (1983) diaplikasi dengan signifikan dalam data korpus perutusan pakej ekonomi oleh YAB TSMY pada

27 Mac dan 06 April 2020. Penggunaan kelima-lima maksim dalam kedua-dua perutusan menandakan bahawa aspek kesantunan amat dititikberatkan dalam penyampaian maklumat kepada rakyat agar rakyat berasa tenang, dihargai, diberi perhatian selain berupaya menerima mesej dengan hati terbuka. Justeru, pemimpin sewajarnya memberikan perhatian dan penekanan terhadap aspek kesantunan berbahasa agar kewibawaannya terserlah dan dilabelkan sebagai pemimpin yang berpengetahuan tinggi dan berkarisma. Mohammad Hatta (1982: 66) mengetengahkan bahawa Socrates seorang ahli falsafah Yunani dalam intinya menegaskan bahawa budi ialah tahu. Orang yang berpengetahuan dengan sendirinya berbuat baik. Apabila budi ialah tahu, maka pengetahuannya bersifat rasional dan intelektual. Pandangan ini amat bertepatan dengan karisma seorang pemimpin dalam menyantuni rakyat sebagai komuniti wacana agar memberikan cerminan pemimpin yang berwibawa dan serba tahu khususnya dalam situasi masyarakat berada dalam keadaan yang tidak selesa.

Sehubungan itu, penggunaan maksim Kebijaksanaan didapati signifikan wujud dalam kedua-dua perutusan. Penggunaan Maksim Kebijaksanaan memberikan gambaran bahawa aspek kesantunan berhubung rapat dengan kearifan seseorang dalam berkomunikasi dan setiap komunikasi perlu dimulakan dengan cara yang berhemah. Tenas Effendy (2010: 24) mengungkapkan tunjuk ajar dalam budaya Melayu yang berbunyi “Apa tanda orang yang bijak, berfikir dahulu sebelum bertindak, Apa tanda orang beradab, berfikir dahulu sebelum bercakap”. Ungkapan ini membawa pengertian yang mendalam bahawa budaya Melayu bukan sahaja memberikan penegasan agar berfikir sebelum melakukan sesuatu pekerjaan malahan kita diseru agar berfikir terlebih dahulu sebelum mengujarkan kata-kata. Dapatan berdasarkan analisis menunjukkan wujudnya usaha seorang pemimpin mendekati rakyat menerusi penggunaan kata ganti nama “saya” dan “kita”. Nor Hashimah Jalaludin (1992) memperjelas bahawa penggunaan kata ganti nama “saya” tergolong dalam bahasa halus sementara Asmah Omar (1993) merincikan bahawa kata ganti nama “saya”, “kami” dan “kita” merupakan kata ganti nama pertama yang paling biasa dan diterima oleh semua golongan selain memperlihatkan aspek santun atau sopan. Perkara ini memanifestasikan bahawa penggunaan kata ganti nama yang sesuai dan tepat perlu dititikberatkan dalam komunikasi. Pendekatan yang bijaksana dalam mengajak, menasihati dan mencadangkan dalam data korpus perutusan yang disampaikan dengan cara yang sesuai dan sopan mencitrakan karisma seorang pemimpin dalam menyantuni komuniti wacana yang sedang dilanda kerisauan akibat penularan wabak COVID 19. Sara Beden (2019b: 126) menegaskan bahawa cadangan dan nasihat bersifat negatif namun jika disampaikan secara berhemah dengan pemilihan kata yang sesuai, halus dan lembut atau tidak memaksa maka dapat memantulkan citra kesantunan berbahasa.

Maksim Kedermawanan pula ditandai sikap murah hati dengan memberikan bantuan dan pendekatan meringankan beban. Berdasarkan maksim ini, penutur yang mewakili pihak kerajaan sanggup memaksimumkan kos dan meminimumkan keuntungan diri sendiri atau di pihak kerajaan demi keuntungan dan kebajikan rakyat. Perkara ini dapat dikenal pasti menerusi ekspresi sikap dermawan atau murah hati seseorang yang merujuk kepada pihak kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat terpelihara dalam tempoh PKP. Mustafa Daud (1995: 7) mengatakan bahawa

kebudimanan dan kedermawanan seseorang itulah yang disanjung dan dihargai oleh masyarakat. Hal ini mencerminkan bahawa kedermawanan merupakan sifat yang mulia dalam mengharmoniskan hubungan sesama insan atau antara pemimpin yang menerajui kerajaan dan rakyat yang dinaunginya. Jelaslah, bahawa sifat pemurah dan dermawan dalam membahagi-bahagikan rezeki yang diperoleh dikatakan oleh perbilangan adat sebagai nilai yang disanjung tinggi. Maksim Sokongan ditandai kata sifat yang positif, iaitu pujian kepada orang lain, mengurangkan cacian selain memberikan penghargaan atas jasa dan kesejahteraan seseorang. Tindakan ini dapat memaksimumkan pujian dan meminimumkan cacian terhadap orang lain dalam konteks wacana komunikasi dalam data korpus yang berbentuk perutusan. Pujian perlu dalam kasus tertentu kerana ketiadaan pujian mengimplikasikan cacian (Leech: 1993). Sementara penghargaan melalui ucapan terima kasih merupakan cerminan amalan berbudi bahasa. Noriati A.Rashid (2013: 182) mengatakan bahawa penghargaan melalui ucapan terima kasih menggambarkan perlakuan seseorang yang sentiasa mengenang budi yang diterima.

Persetujuan dapat melancarkan komunikasi selain memaksimumkan persepakatan dengan orang lain dan mengelakkan perbalahan. Data korpus yang dianalisis memperlihatkan pendekatan persetujuan secara langsung, kesepakatan dan persetujuan secara tidak langsung dalam usaha kerajaan bersepakat dalam membantu meringankan beban rakyat dalam tempoh PKP akibat penularan wabak pandemik COVID 19. Jika disorot, perkara ini selaras dengan pandangan Samsudin A.Rahim (2003: 79) yang menegaskan kepentingan persepakatan dalam jalinan komunikasi antara individu menjadi asas kelancaran sesuatu proses komunikasi. Ketiadaan persepakatan akan menyebabkan komunikasi tergendala sekali gus merencatkan pencapaian objektif komunikasi. Perkara ini amat dititikberatkan dalam kedua-dua perutusan kerana persetujuan diperkatakan dengan jelas dan rinci agar tiada perbalahan yang timbul di pihak kerajaan. Maksim Simpati pula ditandai sikap simpati atau belas kasihan menerusi pendekatan memahami situasi, memahami keperitan, memahami masalah dan memahami perasaan akibat permasalahan yang menimpa rakyat Malaysia akibat penularan wabak COVID 19. Perkara ini dapat memaksimumkan simpati dan meminimumkan antipati kepada rakyat Malaysia yang resah mengadaptasi norma dan normal baharu setelah PKP diumumkan oleh kerajaan akibat ancaman wabak COVID 19. Sikap simpati dapat melahirkan perasaan bertimbang rasa sekali gus mendorong seseorang menyelami kesukaran pihak lain dan sikap ini sewajarnya disubur dan dikekalkan dalam kehidupan bermasyarakat khususnya oleh pihak pemerintah agar menjadi penaung yang hebat kepada kebajikan rakyat.

Rangkumannya, data korpus kedua-dua perutusan pakej rangsangan ekonomi pada 27 Mac 2020 dan 06 April 2020 memperlihatkan kesejajaran dengan PS Leech (1983) menerusi kelima-lima maksim sebagaimana dalam perbincangan. Pemilihan dan penggunaan perkataan, frasa atau ungkapan dan ayat yang memanifestasikan ciri-ciri dan pendekatan kesantunan amat penting dalam usaha membudayakan nilai kesantunan dalam masyarakat lebih-lebih lagi perutusan daripada seorang pemimpin negara. Pemimpin diperkirakan sebagai payung negara yang berupaya menjadi model ikutan rakyat sama ada dari segi pemikiran mahupun pertuturan. Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan & Suhaila Zailani @ Ahmad (2019: 121) mengetengahkan bahawa

kata-kata apabila diucapkan ibarat panah yang dilontarkan daripada busurnya. Kata-kata yang baik mahupun buruk akan meninggalkan bekas dalam hati orang yang mendengarkannya. Oleh itu, setiap perkataan yang ingin diucapkan seharusnya dituturkan dengan penuh waspada agar tidak menyinggung perasaan seseorang. Justeru, praktis berbahasa santun wajar dimulakan sejak di bangku sekolah dan di rumah sebagaimana penegasan Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Hassan (2012 : 71) bahawa pembentukan perilaku berbahasa sopan dalam kalangan remaja sekolah perlulah bermula dari awal, iaitu melalui pendidikan di rumah dan di sekolah. Ringkasnya, ungkapan-ungkapan bertatasusila dalam pertuturan sewajarnya dibudayakan dalam semua situasi dan semua pihak agar kita berupaya melestari dan memelihara kesopanan berbahasa yang menjadi tunjang ketamadunan bangsa.

Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Mohd Yassin. (1998). Kesantunan berteraskan prinsip dan maksim Leech dalam teks Lembaga Budi. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Mohd. Kassim. (1997). Kehadiran Partikel “Lah” dalam Puisi Dharmawijaya: Fungsi dan Kesannya. *Jurnal Dewan Bahasa*. 41 (2), 156-161.
- Ahmad Fuad Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penciptaan peribahasa Melayu: Satu pertembungan pengalaman Manusia yang Berbeza Dalam Maslida Yusof, Mohammed Azlan Mis, Yusmilayati Yunos & Mohamad Rodzi Abd. Razak (Peny.), *Malaysia-Indonesia Bahasa Sastera dan Budaya*, (hlm. 77-91). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2003). *Psikologi Kejayaan*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Pentafsiran Makna dalam Ujaran Saling Memahami. *Jurnal Linguistik*, Vol. 20 (2), 33-41.
- Asmah Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1996). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Grice, H.P. (1975). Logic and Conversations. Dlm. Cole, P. & Morgan (Ed.), *Syntax and Semantic : Speech Act*. (pp. 41-58). New York: Academic Press.
- Indirawati Zahid. (2005). Bahasa Bebas Konflik. *Dewan Bahasa*, Julai, 24-27.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan Kepimpinan. Pengkhalayakan Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Akademika*, 65 (Julai), 3-25.

- Jaafar Muhamad. (1995). *Asas Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2019). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartodirdjo, S. (1990). Kata Pengantar. Dlm. Kartodirdjo, S. (Peny.). *Kepimpinan dalam Dimensi Sosial*. Jakarta: Lembaga Penelitian pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.
- Kho Thong Eng. (1994). Manifestasi Kesantunan Berbahasa. *Pelita Bahasa*. Jilid 6. (11): 12-15.
- Laman Web Pejabat Perdana Menteri Malaysia-<https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/teks-ucapan-perutusan-khas-pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat-prihatin>/akses pada 10 April 2020.
- Laman Web BH ONLINE <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673734/ucapan-perdana-menteri-tan-sri-muhyiddin-yassin>, akses pada 11 April 2020.
- Lakoff, R.T. (1975). *Language and Woman's Place*. New York: Harper and Row, London.
- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Leech, Geoffrey. (1993). *Prinsip Pragmatik*. (Terj. Azhar M. Simin.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lerman, C.L. (1985). Media analysis of a Presidential Speech: Impersonal Identity Forms in Discourse. Dlm. Van Dijk, T.A. 9ed). *Discourse and Communication: New Approaches to the Analyse of Mass Media Discourse and Communication*. Berlin-New York: Walter de Gruyter. Hlm, 185-215.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik*, 3, 7-20.
- Marlyna Maros & Mohd. Baharin Mayidin. (2011). Jenis Dan Fungsi Sapaan serta Persepsi Kesantunan dalam Interaksi di Kaunter Pertanyaan. *Jurnal Bahasa*, 11 (2), 219-234.
- Mohammad Hatta. (1982). *Alam Fikiran Yunani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohammad Idris. (2000). Kesantunan Berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Khair Fatimah. (1996). *Adab dan Sopan Santun dalam Islam*. (Terj. Mohd Sofuan Amrullah). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Mustafa Daud. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azian Abdul Aziz. (2005). Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Norhana Bakhary. (2014). Strategi Kesantunan Berbahasa Masyarakat Adat Perpatih dalam Kata Perbilang. *Jurnal Bahasa*. 14 (2), 239-271.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik Dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz & Hasnah Mohamad. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 13(3), 164-178.
- Samsudin A.Rahim. (2003). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden. (2019a). Analisis Prosa Klasik “Kepimpinan Melalui Teladan” Berdasarkan Prinsip Kepimpinan. *Jurnal Malay Literature*. 32(1), 37-70.
- Sara Beden. (2019b). Prinsip Dan Strategi Kesantunan Penulisan Dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa. *Jurnal Issues in Language Studies (ILS)*, 8 (1), 104-129.
- Sara Beden. (2020). Retorik Perintah Kawalan Pergerakan. *Dewan Bahasa*, Jun, hlm. 50-54.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan struktur peristiwa bahasa: Komunikasi bebas konflik. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 16(1), 67-87.
- S. Nathesan. (2005). Kesantunan Berbahasa Semakin Terhakis? *Dewan Bahasa*. Jilid 5 (5): 30-32.
- Tenas Effendy. (2010). *Kearifan Pemikiran Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Wan Aminurrashid. (2002). *Etiket Islam: Panduan Sopan Santun*. Pahang: PTS Publications & Distribution.
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2019). Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islamiyyat*, 41(1), 117 – 124.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). Kesantunan Bahasa Dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*, 12 (2), 321-328.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Hassan. (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Jurnal Linguistik*, Jilid 6 : 62-74.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2015). Kesopanan Berbahasa dalam Kalangan Remaja. Dalam Maslida Yusof, Mohammed Azlan Mis, Yusmilayati Yunos & Mohamad Rodzi Abd. Razak (Peny.), *Malaysia-Indonesia bahasa sastera dan budaya*, (hlm. 114-126). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata penulis

Sara Beden ialah pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak.